

KUALA LUMPUR, 1 OGOS (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENEGUR SETENGAH-SETENGAH GOLONG BUMIPUTRA YANG MEMPUNYAI KELULUSAN PERDAGANGAN TETAPI TIDAK MAU BEKERJA SENDIRI.

KATANYA, RAMAI BUMIPUTRA YANG MEMPUNYAI KELULUSAN TETAPI SEDIKIT SAHAJA YANG BETUL-BETUL MENGGUNAKAN ILMU PENGETAHUAN TERSEBUT UNTUK MEMPERBAIKI KEHIDUPAN MEREKA.

BELIAU MEMBUAT TEGURAN ITU KETIKA MERASMIKAN SEMINAR PERGURUAN PERDAGANGAN DAN PERADUAN TRENGKAS ANJURAN INSTITUT TRENGKAS MELAYU DI SINI. UCAPANNYA DIBACAKAN OLEH PENGARAH PERANCANG DAN PENYELIDIKAN KEMENTERIAN PELAJARAN, ENCIK ABDUL RAHMAN ARSHAD.

KATANYA, PARA PELAJAR INSTITUT TERSEBUT HENDAKLAH BERSABAR MENGHADAPI CABARAN KERANA MATAPELAJARAN SEPERTI TAIP-MENAIP, TRENGKAS DAN ILMU SIMPANAN KIRA-KIRA MEMERLUKAN LATIHAN DAN KETEKUNAN.

JIKA CABARAN INI TIDAK DAPAT DIATASI, MEREKA TIDAK MUNGKIN DAPAT MENCAPAI KEJAYAAN CEMERLANG SAMADA DI BIDANG PELAJARAN ATAU PUN DUNIA PERNIAGAAN. -- BERSAMBUNG 1900/ZCM

627:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

KETUA PENYELIA INSTITUT ITU, HAJI HASHIM RAIS BERKATA, PIHAKNYA AKAN MENDIRIKAN SEBUAH BANGUNAN 15 TINGKAT DI SINI UNTUK DIJADIKAN SEKOLAH PERDAGANGAN.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA SIJIL-SIJIL YANG DIKELUARKAN OLEH INSTITUT ITU ADALAH SETANDING DENGAN SIJIL-SIJIL LUAR NEGERI SEPERTI L.C.C.

INSTITUT YANG DITUBUHKAN SEJAK TAHUN 1971 ITU, SEKARANG MEMPUNYAI 59 BUAH CAWANGAN DI SELURUH NEGARA DENGAN LEBIH DARI 6.000 ORANG PELAJAR. -- BERNAMA 1901/ZCM